



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient Berhad

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman Web: www.poi2u.com
Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121
No. Cukai Perkhidmatan: W10-1808-31021805

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Motosikal Pihak Ketiga. Pastikan juga anda telah membaca terma dan syarat am.)

Polisi Insurans Motosikal Pihak Ketiga

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap liabiliti kepada pihak-pihak lain bagi kecederaan atau kematian dan kerosakan kepada harta benda pihak lain.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga; dan
- Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga.

Manfaat yang disediakan di bawah polisi ini adalah seperti berikut:

- Jumlah keseluruhan liabiliti untuk kecederaan anggota dan kematian pihak ketiga adalah tidak terhad, walaupun bagaimanapun, jumlah keseluruhan liabiliti adalah terhad kepada RM3 juta untuk kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga berhubung dengan mana-mana satu tuntutan atau siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa;
- Polisi ini akan melindungi liabiliti yang dinyatakan di atas jika kenderaan anda digunakan untuk menunda mana-mana kenderaan bermotor yang rosak dengan syarat bahawa:
 - a) kenderaan yang di tunda bukan di tunda untuk ganjaran; dan
 - b) kami tidak bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang di tunda atau harta yang dibawahnya.
- Polisi ini akan melindungi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi berikutan kematian orang tersebut; dan
- Polisi ini akan melindungi kos undang-undang sehingga maksimum RM2,000 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu kenderaan bermotor.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar terdiri daripada jumlah premium perlindungan standard dan perlindungan tambahan yang diminta, dan mungkin berbeza bergantung kepada kelayakan diskaun tanpa tuntutan (DTT) dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

Jumlah premium perlindungan standard dikira menurut Tarif Motor dan berdasarkan kepada kriteria berikut;

- Jenis Kenderaan
- Keupayaan Enjin

- Semua Penumpang

- Diskaun Tanpa Tuntutan

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 10% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
 - a) Kontrak Insurans Pengguna
 - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
 - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
 - b) Kontrak Insurans Komersial
 - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
 - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
 - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti kemalangan yang lalu dan pengubahsuaian pada enjin.
- Anda perlu mematuhi dan memenuhi terma, syarat, pengendorsan, fasal atau waranti polisi;

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kematian atau kecederaan diri anda sendiri akibat kemalangan motor;
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh;
- Kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalanraya awam berkaitan dengan pemunggahan ke atas dan daripada kenderaan anda; dan
- Kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan anda atau pemandu yang anda beri kuasa.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami;
- Anda hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan di atas, menyerahkan sijil insurans asal kepada kami, atau menyediakan kami satu akuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah;
- Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh pendek, dimana premium minimum yang dibayar (melebihi 8 bulan) di bawah polisi ini tidak akan dikembalikan;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberi anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat anda yang terakhir; dan
- Sekiranya pembatalan dibuat oleh kami, anda layak mendapat bayaran balik premium secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans motor, sila rujuk kepada risalah *infoinsurans* mengenai 'Insurans Motor', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co Berhad
Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,
No 10, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2698 5033
Faks : 03-2693 8145
E-mel : poi2u@pacific-orient.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans motor yang boleh didapati:

- Perlindungan komprehensif

NOTA PENTING:

ANDA MESTI PASTIKAN MOTOSIKAL ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 14.02.2019.